

## Hukum Kanun Melaka Dari Aspek Undang-Undang Kekeluargaan

**Zanirah Binti Mustafa@Busu**

Zanir126@kelantan.uitm.edu.my  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan

**Suhaida Binti Abu Bakar**

Suhaida596@kedah.uitm.edu.my  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah

**Affendi Ismail (Ph.D)**

Affendi293@kelantan.uitm.edu.my  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan

### ABSTRAK

Undang-undang Melaka juga dikenali Hukum Kanun Melaka merupakan undang-undang bertulis yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ia merupakan undang-undang adat Melayu yang bersesuaian dengan hukum Islam. Hukum kanun Melaka dipercayai digubal bermula pada zaman Sultan Muhammad Shah (1424-1444M) dan mula dijalankan pada zaman Sultan Muzaffar (14445-1458M) serta disusun secara teratur pada zaman Sultan Mahmud Shah (1489 M-1511M). Hukum Kanun Melaka merupakan hukum Islam yang pertama yang diperkenalkan oleh Sultan Muhammad untuk digunakan di negeri Melaka. Kuasa undang-undang ini tertakluk pada seluruh Melaka dan kawasan jajahan taklukannya. Hukum kanun Melaka mempunyai 44 fasal mengenai kuasa pemerintah, hukum hakam dan pantang larang Undang-undang keluarga dalam Hukum Kanun Melaka telah mempunyai pengaruh dalam undang negeri-negeri. Aspek kekeluargaan dalam Hukum Kanun Melaka antara dibincangkan dalam kajian ini bagi melihat sejauhmana pengaruh Islam dan adat yang diguna pakai pada zaman dahulu dalam aspek kekeluargaan serta pengaruhnya kepada undang-undang lain. Metod pengkajian adalah melalui kepustakaan. Objektif kajian ini cuba melihat beberapa fasal berkaitan aspek kekeluargaan yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka. Antara yang dibincangkan adalah berkaitan hal-hal perkahwinan, perwalian dan perwarisan harta serta beberapa peruntukan berkaitan dengan undang- undang perkahwinan.

Kata Kunci : Hukum Kanun Melaka, undang-undang kekeluargaan, perkahwinan, perwalian.

### PENDAHULUAN

Hukum Kanun Melaka adalah merupakan Hukum Islam yang pertama yang telah diperkenalkan oleh Sultan Muhammad Shah untuk digunakan di negeri Melaka. Hukum Kanun Melaka adalah dokumen bertulis yang menunjukkan bahawa undang-undang syariah termaktub dalam sistem perundangan Melaka dan jajahan takluknya serta dikuatkuasakan berdasarkan kepada fakta sejarah. Kajian ini juga memaparkan sejarah undang-undang di Melaka yang menjadi amalan masyarakat melayu pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah. Terdapat beberapa aspek yang ditekankan dalam Hukum Kanun ini

antaranya undang-undang perkahwinan, jual beli dan prosedur juga dimuatkan bagi memperlihatkan Hukum Kanun Melaka adalah undang-undang Islam. Kewujudan Empayar Melayu Melaka dengan segala kehebatannya amat berkait rapat dengan pengamalan hukum-hukum Islam. Pemerintah Melaka amat menghormati ajaran Islam dan menjadikan istana sebagai pusat perkembangan Islam.

Di bawah pelaksanaan undang-undang ini, Kerajaan Melayu Melaka menjadi kerajaan dan kuasa Islam yang berpengaruh di rantau Asia Tenggara. Sejarah Melaka dijadikan rujukan untuk membuktikan bahawa sistem hidup yang dianjurkan oleh Allah SWT merupakan undang-undang tempatan dan negeri yang telah diterima pakai sebelum kedatangan penjajah lagi. Undang-undang ini mampu melewati sempadan masa dan tempat apabila ia sekali lagi mengulangi sebahagian model kepimpinan Rasulullah SAW di Madinah. Kemajuan masyarakat sama sekali tidak boleh dijadikan helah untuk tidak melaksanakan undang-undang Islam.

### **Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Islam Sebelum Penjajahan Inggeris**

Sebelum kedatangan Inggeris di Tanah Melayu, undang-undang adat Melayu sama ada dipengaruhi oleh ajaran agama Islam atau tidak telah menjadi asas kepada undang-undang bagi negeri-negeri Melayu. Kebanyakan undang-undang adat melayu tidak ditulis dan ketua-ketua bagi sesebuah daerah atau satu-satu kaum mengetahui sesuatu adat itu secara umum sahaja. Undang-undang adat merupakan amalan-amalan adat dan tradisi bangsa Melayu yang lama-kelamaan memperoleh taraf undang-undang dan seterusnya dapat dikuatkuasakan oleh ketua-ketua daerah. Terdapat teks undang-undang Melayu lama yang berjaya dikumpul terutamanya oleh sarjana-sarjana Barat dalam mengkaji sejarah undang-undang di negeri-negeri Melayu. Antara teks undang-undang Melayu lama yang boleh menggambarkan bentuk perundangan yang dipakai pada masa itu ialah Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang 99 Perak dan Undang-undang Sungai Ujung di mana terdapat banyak persamaan dalam kandungan teks Hukum Kanun Melaka dengan teks undang-undang yang dijumpai di Pahang, Kedah dan Perak.

Hasil penelitian daripada teks tersebut di dapati bahawa wujud dua sistem adat terbesar yang berbeza telah dilaksanakan secara meluas terutama di Semenanjung Tanah Melayu. Ia adalah Adat Perpatih yang di amalkan di Negeri Sembilan, manakala Adat Temenggung bagi negeri-negeri yang lainnya. Adat Temenggung dipercayai mula diamalkan di Melaka, dan kemudiannya diubahsuai dengan hukum-hukum Islam setelah penerimaan ajaran Islam oleh sultan, pembesar rakyat negeri tersebut. Undang-undang adat boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu:

- i) Adat Perpatih
- ii) Adat Temenggung
- iii) Terjemahan daripada ajaran-ajaran (hukum) Islam

### **Pelaksanaan Hukum Kanun Melaka**

Hukum kanun Melaka pada dasarnya telah di teliti dan dikaji, kesimpulannya undang-undang kanun Melaka ini pada keseluruhannya berdasarkan undang-undang Islam menurut mazhab Syafi'e. Ia berasaskan undang-undang Islam walaubagaimanapun, tidak dinafikan adanya unsur-unsur hukum adat (Mahmud Saedon A.Othman:2003) dan hukum akal. Hukum Kanun Melaka juga dikenali sebagai Undang-undang Melaka. Namun, Hukum Kanun Melaka lebih sesuai dikatakan sebahagian intisari yang terdapat dalam naskah Undang-undang Melaka asal yang mengandungi pelbagai undang-undang lain. Ia telah mengalami perubahan mengikut tempat (Liaw Youk Fang:1976). Dalam erti kata lain juga,

Hukum Kanun Melaka adalah undang-undang adat Melayu yang bersesuaian dengan Islam. Pengubalan dan pengumpulan Hukum Kanun Melaka ini dipercayai bermula pada zaman Sultan Muhammad Shah (1424–1444M) dan kemudiannya dilengkapi pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar (1445 – 1458M) iaitu pada era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Hukum Kanun Melaka ini boleh dibahagikan peruntukannya kepada dua bahagian utama iaitu hukum adat dan hukum syarak. Hukum adat merupakan undang-undang yang utama. Manakala hukum syarak pula diletakkan sebagai pilihan bagi setiap hukuman kesalahan. Hukum Kanun Melaka juga terpengaruh dengan pengaruh Islam dan Hindu.

Sultan Muzaffar Syah dari Melaka (1446-1456M) telah memperkenalkan undang-undang Melaka yang dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka. Hukum Kanun atau biasa juga disebut Undang-undang Melaka pada mulanya merupakan peraturan yang tidak bertulis. Peraturan itu diadakan untuk melindungi kerajaan, rakyat, dan negeri Melaka. Walaupun Hukum Kanun ini sudah dijalankan pada masa pemerintahan Sultan Mudzaffar Shah (1445-1450/1456 M) (Mahmud Saedon A.Othman:1988). Namun ia baru ditulis dan disusun secara teratur setelah pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1489-1511 M). Itulah sebabnya Hukum Kanun ini dianggap ada setelah tahun 1489 M.

Undang-undang Melaka yang disusun lengkap dan dijadikan undang-undang pemerintahan terbahagi kepada dua bahagian :

- a. Hukum Kanun Melaka : Ia mengandungi Undang-undang Jenayah, Undang-undang Muamalah, Undang-undang Keluarga, Undang-undang Keterangan dan Acara syarat-syarat menjadi pemerintah serta tanggungjawab terhadap pemerintahan.
- b. Undang-undang Laut Melaka : Ia berhubung dengan peraturan pelayaran dan perniagaan, kesalahan jenayah perniagaan dan bidang kuasa nakhoda kapal serta kes-kes yang berkaitan.

Undang-undang Melaka terdiri daripada beberapa bahagian antaranya Hukum Perlembagaan, Hukum Jenayah, Hukum Pertanian, Hukum Perhambaan, Hukum Kontrak, Hukum Wakil, Hukum Keluarga dan Hukum Berselam Air/Minyak<sup>1</sup>. Setiap bahagian disusun pada waktu yang berlainan. Bahagian pertama yang merupakan intisari undang-undang Melaka disusun pada pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1422/1424-1444)(Mahmud Saedon A.Othman:1988). Bahagian ini kemudiannya diperluas dan ditambah dengan peraturan atau hukum pelayaran oleh Sultan Muzaffar Syah (1445-1458) iaitu pada zaman kegemilangan Kesultanan Melaka. Manakala bahagian Undang-undang Islam terutama yang berkaitan dengan hukum bai' (jual-beli) dan syahadat, ia disusun tidak lama kemudian iaitu setelah Islam bertapak di Nusantara. Sehubungan itu, Undang-undang Negeri pula disusun pada permulaan abad ke-enam belas ketika Portugis datang ke Melaka (Liw Yock Fang, 2003).

Dua sumber undang-undang bertulis yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Undang-undang Melaka mengandungi 44 fasal mengenai kuasa dan bidang kuasa raja dan pembesar-pembesar, pantang larang masyarakat umum, hukuman ke atas kesalahan jenayah dan

---

<sup>1</sup> Merupakan hukum rimba yang terkandung dalam undang-undang Melaka: 88 yang berasaskan hukum Hindu bagi menyangkal sebarang pertuduhan yang dilemparkan oleh seseorang.. Walaupun pihak yang dituduh mendakwa dirinya benar tetapi dia lemah untuk menjalani hukuman celup tangan maka dia dikira bersalah dan pihak yang berbohong dikira menang.

undang-undang keluarga. Undang-undang Laut Melaka pula mengandungi 25 fasal yang menggariskan tentang peraturan perdagangan dan lalu lintas laut, aturcara pelayaran, kuasa dan bidang kuasa pegawai kapal dan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan di laut. Beberapa fasal yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka dan undang-undang Laut Melaka adalah berdasarkan undang-undang Islam. Kandungan Hukum Kanun Melaka terdiri daripada 6 fasal utama iaitu

Fasal 1 mempunyai 44 fasal , 18 fasal daripadanya menurut hukum Islam. Peruntukan tersebut meliputi Undang-undang Perkahwinan Islam, Undang-undang Muamalat Islam, Undang-undang Keterangan dan Undang-undang Jenayah Islam. Peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam undang-undang perkahwinan Islam adalah Pertunangan (S.18.1-18.3), wali (S.25.1), Ijab dan Kabul (S.25.2), saksi(S.26), khiyar (S. 27), hak menentukan perkahwinan (S.28), hukum perkahwinan orang Islam dengan bukan Islam (S.26) dan perkahwinan orang yang merdeka dengan hamba (S. 28.1).

Fasal 2 berkaitan bidang kuasa raja

Fasal 3 berkaitan bidangkuasa pembesar

Fasal 4 berkaitan pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat

Fasal 5 berkaitan hukum terhadap kesalahan jenayah awam

Fasal 6 berkaitan undang-undang kekeluargaan

### **Undang-undang Keluarga Islam Dalam Hukum Kanun Melaka**

Institusi kekeluarga ialah institusi yang ulung dalam tamadun manusia. Aturan yang diwujudkan adalah sebagai panduan dan tatacara hidup dalam sesebuah keluarga dan masyarakat. Undang-undang perkahwinan untuk orang Islam sebagaimana yang terdapat dalam beberapa fasal bagi Hukum Kanun Melaka merupakan terjemahan serta pergubahsuaian terhadap kandungan prinsip-prinsip dalam mazhab Syafie yang diringkaskan (Zaini Nasohah, 2004). Hukum keluarga boleh dibicarakan dalam dua bahagian. Bahagian pertama dikatakan bahawa jika orang yang meminang tunangan orang dia akan didenda. Dalam keadaan tertentu, seseorang perempuan atau ibu bapanya boleh mengembalikan hantaran yang diterimanya ketika berlangsungnya majlis pertunangan, manakala bagi pihak lelaki juga boleh meminta hantarannya kembali.

Bahagian kedua adalah hukum perkahwinan Islam. Seseorang yang hendak berkahwin mestilah berwali dan diijabkabulkan serta bersaksi. Bagi orang yang berkahwin juga boleh melaksanakan hak khiyar dan talak mengikut hukum Islam termasuk juga boleh berkahwin dengan hamba abdi (Liw Yock Fang, 2003).

### **Fasal Ke-18: Hukum Angkara (Pertunangan)**

Perkara berkaitan hal pertunangan disebut dalam Fasal ke 18.1 hingga 18.3. Jika seorang lelaki ingin meminang perempuan yang telah bertunang dengan orang lain dan perempuan tersebut mengetahui hajat lelaki tersebut, maka diberitahunya kepada hakim. Hakim pula akan meminta perempuan tersebut memanggil kedua ibu bapanya, jika mereka setuju dengan hajat lelaki tersebut, mereka hendaklah mengembalikan hantaran tunangnya yang terdahulu dengan berganda dan dikenakan denda oleh hakim sebanyak sepuluh tahlil sepaha. Tetapi jika mereka miskin, mereka hanya dikenakan denda sebanyak lima tahlil

sepaha sahaja. Sebaliknya jika pihak lelaki tidak tahu bahawa perempuan tersebut adalah tunangan orang, maka tidak dikenakan denda keatasnya. (Liaw Yock Fang 2003:121).

Manakala jika ibu bapa perempuan setuju dengan pinangan kedua, sebaliknya pihak lelaki tidak mengetahui bahawa perempuan tersebut telah bertunang, maka denda dikenakan keatas kedua ibu bapa perempuan tersebut kerana bersetuju dan juga disebabkan mereka telah menerima pinangan lelaki pertama dan selepas itu mereka juga menerima hantaran lelaki kedua. Justeru, mereka dikenakan denda seperti mana denda diatas, melainkan khiyar yang dibolehkan oleh hakim. Sebaliknya jika ibu bapa perempuan tersebut tidak setuju, maka tidak dikenakan denda keatas mereka (Liaw Yock Fang 2003:121).

Tiga sebab yang dibolehkan bagi pihak perempuan memutuskan pertunangannya:

- i Bayaran dengan tiada ganda (Ahmad Ibrahim:1999).
- ii Terdapat *aib* di pihak lelaki yang tidak diketahui oleh pihak perempuan sebelum berlangsungnya pertunangan. Ia juga dikembalikan dengan tiada ganda.
- iii Terdapat juga kias *aib* di pihak lelaki seperti lelaki tersebut telah beristeri, lemah syahwat, berpenyakit seperti pekung<sup>2</sup>, sopak dan sebagainya. Ia juga mesti dikembalikan dengan tiada ganda.

Tiga sebab juga yang dibolehkan bagi pihak lelaki memutuskan pertunangannya:

- i Perempuan tersebut merupakan abdi(hamba).
- ii Terdapat *aib* di pihak perempuan.
- iii Perempuan tersebut berpenyakit, seperti busung darah, besar<sup>3</sup> dan seumpamanya.

Kesemua hukum diatas adalah dibolehkan bagi seseorang itu, samaada lelaki mahupun perempuan memutuskan pertunangannya kecuali jika kedua-duanya atau salah seorang daripada mereka redha diatas kekurangan pasangannya. Sebaliknya jika melibatkan hamba (abdi), ia dikenakan denda sebanyak sepuluh emas dan tidak lebih daripada itu. (Liaw Yock Fang, 2003).

Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Selangor No. 4 tahun 1984 dalam perkara 15, menyatakan bahawa jika seseorang telah mengikat suatu kontrak Pertunangan mengikut Hukum Syara', sama ada secara lisan atau secara bertulis, dan sama ada secara bersendirian atau melalui seorang perantaraan, dan kemudiannya enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi kepada kontrak itu tanpa apa-apa sebab manakala pihak yang satu lagi bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggung memulangkan pemberian-pemberian pertunangan, jika ada atau nilainya dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau untuk pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu, dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam Mahkamah permulaan kepada perkahwinan Permohonan (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984)

## Fasal Ke-25: Hukum Kahwin

<sup>2</sup> Penyakit kulit yang berbau busuk. Rujuk Kamus pelajar edisi kedua

<sup>3</sup> Penyakit yang selalu keluar air mani. Rujuk kamus Dewan Edisi keempat

Fasal ke 25 membincangkan hal-hal perkahwinan meliputi perwalian ( S 25.1), Ijab dan Qabul (S25.2). Dalam hal persetujuan perkahwinan, jika perempuan itu biki (anak dara) yang masih kecil (belum baligh) tidak disyaratkan supaya mengambil persetujuan darinya. Sebaliknya jika dia telah baligh maka disunatkan dengan mengambil persetujuan darinya disisi *qaul azhar*. Jika perempuan tersebut *muhsan* (pernah berkahwin/janda) yang telah baligh, hendaklah mendapat persetujuan daripadanya sama ada setuju atau tidak untuk berkahwin. Ini kerana, keizinannya merupakan syarat dalam menentukan sah perkahwinannya. Dalam Hukum Kanun Melaka menyatakan bahawa tanda baligh seseorang perempuan adalah seperti genap umur 15 tahun, datang haid dan tumbuh bulu ari-ari (*ikhhtilam*) (Mahmud Saedon A.Othman:2003).

### Fasal 25 (1) Wali

Dari sudut perwalian dalam Hukum Kanun melaka, wali bagi seorang perempuan mestilah mengikut tertib bermula daripada bapa, datuk sebelah bapanya dan saudara lelaki. Wali-wali ini mestilah mengikut hukum Islam yang dikenali dengan wali *Mujbir* atau wali *Aqrab.la* terbahagi kepada tiga (Al-Syarbini al-Khatib:1962):

- i Bapa merupakan wali yang utama.
- ii Wali *mujbir* (saudara lelaki atau bapa saudara).
- iii Wali akrab (keluarga yang hampir dengan perempuan tersebut).

Wali boleh diertikan teman karib, pemimpin, pelindung atau penolong yang terdiri daripada ahli waris lelaki yang terdekat kepada pengantin perempuan. Wali ini merupakan salah satu rukun dalam perkahwinan. Wali *mujbir* ertinya wali yang mempunyai bidang kuasa mengahwinkan anak atau cucu perempuan yang masih dara tanpa meminta izin perempuan itu terlebih dahulu. Menurut Mazhab Shafi'e, wali *mujbir* itu terdiri daripada bapa, datuk dan seterusnya sampai ke atas. Manakala wali-wali lain seperti saudara lelaki kandung sebapa, bapa saudara dan sebagainya bukan wali *mujbir* iaitu tidak ada bidang kuasa memaksa perempuan berkahwin. (Akhmal Md.Zain, 1999:348).

Menurut Mazhab Shafi'e, beberapa syarat di kenakan bagi membolehkan wali *mujbir* mengahwinkan anak atau cucunya iaitu:

1. Tidak ada permusuhan antara wali dengan gadis itu.
2. Perkahwinan itu dilakukan dengan lelaki yang sekufu dengannya.
3. Mas kahwin hendaklah seimbang.
4. Si suami tidak berupaya membayar mas kahwin.
5. Mas kahwin hendaklah mata wang negara itu.
6. Perkahwinan itu tidaklah di lakukan dengan lelaki yang menyusahkan hubungan dengannya seperti buta atau terlalu tua.
7. Perempuan yang hendak di kahwinkan itu bukan dalam masa mengerjakan haji yang wajib di laksanakan.
8. Tidak ada permusuhan antara perempuan itu dengan bakal suaminya.


Oleh kerana wali merupakan salah satu syarat sah nikah maka bukan semua orang boleh menjadi wali. Syarat-syarat sah menjadi wali ialah( Enakmen Keluarga Islam Kelantan:1983):

1. Islam
2. Baligh (sekurang-kurangnya sudah berumur 15 tahun).
3. Berakal



4. Lelaki
5. Adil
6. Merdeka

Manakala orang buta atau bisu pula adalah diharuskan menjadi wali kerana ia boleh menimbang dan memikirkan mengenai soal kufu dan hal-hal kepentingan kepada wanita, selagi ia boleh memahami isyarat serta tulisan dan ia memenuhi syarat-syarat sah menjadi wali. Susunan wali nasab bagi perempuan yang ada wali:



Susunan wali mengikut tertib adalah(Ahmad Ibrahim:1999):

1. Bapa kandung
2. Datuk sebelah bapa ke atas
3. Saudara lelaki seibu-sebapa
4. Saudara lelaki sebapa
5. Anak saudara lelaki seibu-sebapa
6. Anak saudara lelaki sebapa
7. Bapa saudara sebelah bapa seibu-sebapa
8. Bapa saudara sebelah bapa sebapa
9. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu-sebapa ke bawah
10. Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa ke bawah
11. Bapa saudara seibu-sebapa
12. Bapa saudara bapa sebapa
13. Anak lelaki bapa saudara seibu-sebapa
14. Anak lelaki bapa saudara sebapa ke bawah
15. Bapa saudara datuk seibu-sebapa
16. Bapa saudara datuk sebapa
17. Anak lelaki bapa saudara datuk seibu-sebapa ke bawah



18. Anak lelaki bapa saudara datuk sebapa ke bawah
19. Muktiq (tuan kepada hamba perempuan yang dibebaskan).
20. Sekalian asabah kepada seorang muktiq
21. Raja/Sultan.

Sekiranya wali pertama tidak ada, hendaklah diambil wali yang kedua dan jika wali kedua. Jika

tidak ada hendaklah diambil wali ketiga dan begitulah seterusnya. Mengikut tertib wali, bapa hendaklah menjadi wali bagi semua perkahwinan anaknya. Dan jika bapa tidak ada kerana meninggal dunia maka hak wali berpindah kepada datuk pengantin perempuan itu; dan jika datuk juga meninggal dunia maka hak wali itu berpindah kepada saudara lelaki seibu-sebapa kepada pengantin perempuan dan begitulah bidang kuasa wali mengikut tertib susunannya. Sekiranya pengantin perempuan itu tidak mempunyai wali maka ia akan dinikahkan secara wali hakim. Ia bergantung kepada beberapa keadaan yang dibenarkan antaranya:

- i Tiada wali pertama (bapa), wali *mujbir* dan wali akrab.
- ii Jarak jauh perjalanan antara tempat tinggal si perempuan dengan walinya mengambil masa sehari semalam.
- iii Perempuan tersebut sebatang kara, yatim atau tiada ahli keluarga.

Rasulullah saw bersabda:

*"Maka Sultanlah yang menjadi wali bagi sesiapa yang tidak mempunyai wali".*  
(Riwayat At-Tirmizi dan Abu Daud)

Wali hakim ialah Sultan atau Raja yang beragama Islam yang bertindak sebagai wali kepada pengantin perempuan yang tidak mempunyai wali. Oleh kerana Sultan atau Raja ini sibuk dengan tugas-tugas negara maka ia menyerahkannya kepada qadhi atau pendaftar nikah untuk bertindak sebagai wali hakim. Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, Seksyen 2 (1) Wali Hakim ditakrifkan sebagai wali yang ditauliahkan oleh Yang DiPertuan Agong dalam hal Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja dalam hal sesuatu negeri lain untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab.

Antara sebab-sebab menggunakan wali hakim adalah:

#### **Pertama: Tiada Wali Nasab**

Bagi pengantin perempuan yang tidak mempunyai wali nasab seperti saudara baru di mana tidak ada saudara-maranya yang memeluk Islam atau perempuan yang tidak mempunyai wali langsung mengikut tertib wali atau anak luar nikah maka wali hakimlah yang menjadi wali dalam perkahwinannya.

Rasulullah saw bersabda:

*"Sultanlah menjadi wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali".*



(Riwayat Al-

Khamsah)

### **Kedua: Anak Tidak Sah Taraf atau Anak Angkat**

Anak tidak sah taraf atau anak luar nikah ialah anak yang lahir atau terbentuk sebelum perkahwinan yang sah. Contohnya, jika sepasang lelaki dan perempuan bersekedudukan sama ada lama atau sekejap kemudian mengandung maka anak yang dikandung itu dianggap anak tidak sah taraf walaupun anak itu lahir dalam perkahwinan yang sah. Ini bermakna benih-benih kandungan yang terjadi sebelum kahwin dan dilahirkan dalam tempoh perkahwinan, maka anak itu tetap dianggap anak tidak sah taraf. Oleh yang demikian, jika anak yang tidak sah taraf itu perempuan dan ia mahu berkahwin di kemudian hari, maka walinya ialah wali hakim. Begitu juga anak angkat. Jika anak angkat itu berasal dari anak tidak sah taraf, maka walinya adalah wali hakim kerana anak itu dianggap tidak mempunyai wali nasab.

Sekiranya anak angkat itu berasal dari bapa yang sah atau keluarga yang sah, maka walinya ialah berdasarkan susunan atau tertib wali yang ada, bukannya bapa angkat.

### **Ketiga: Wali yang Ada Tidak Cukup Syarat.**

Dalam Islam, kalau wali *aqrab* tidak mempunyai cukup syarat untuk menjadi wali seperti gila, tidak sampai umur dan sebagainya maka bidang kuasa wali itu berpindah kepada wali ab'ad mengikut tertib wali. Sekiranya satu-satunya wali yang ada itu juga tidak cukup syarat tidak ada lagi wali yang lain maka bidang kuasa wali itu berpindah kepada wali hakim.

### **Keempat: Wali *Aqrab* Menunaikan Haji Atau Umrah**

Dalam kitab Minhaj Talibin dalam bab Nikah menyatakan jika wali *aqrab* menunaikan haji atau umrah maka hak walinya terlucut dan hak wali itu juga tidak berpindah kepada wali ab'ad, tetapi hak wali itu berpindah kepada wali hakim. Sekiranya wali *aqrab* membuat wakalah wali sebelum haji atau umrah atau semasa ihram maka wakalah itu tidak sah.

Rasulullah saw bersabda:

*"Orang yang ihram haji atau umrah tidak boleh mengahwinkan orang dan juga tidak boleh berkahwin".*

(Riwayat

Muslim)

Oleh yang demikian, jika seseorang perempuan yang hendak berkahwin, hendaklah menunggu sehingga wali itu pulang dari Mekah atau dengan menggunakan wali hakim.

### **Kelima: Wali Enggan**

Para Fuqaha sependapat bahawa wali tidak boleh enggan untuk menikahkan perempuan yang dalam kewaliannya, tidak boleh menyakitinya atau melarangnya berkahwin (Mohamad Som Sujimon & Abdul Basir Mohamad:2007) walhal pilihan perempuan itu memenuhi kehendak syarak. Oleh yang demikian, perbuatan wali menghalang atau enggan menikahkan wanita tanpa ada alasan syarak adalah dilarang dan dianggap satu tindakan yang zalim kepada wanita itu. Menurut Jumhur Fuqaha (Syafi'e, Maliki dan Hambali) apabila wali *aqrab* enggan menikahkan pengantin perempuan, maka wali hakimlah yang menikahkannya.

Rasulullah SAW bersabda:

*“Kalau wali-wali itu enggan maka Sultan atau hakim menjadi wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali”.*

(Riwayat Abu Daud dan At-

Tirmizi)

### **Keenam: Wali Berada Jauh Atau *Ghaib***

Sering timbul dalam masyarakat kita, wali *aqrab* kepada pengantin perempuan berada jauh atau *ghaib*. Ini menimbulkan masalah kepada pengantin perempuan iaitu siapa yang berhak menjadi wali.

Mengikut Mazhab Syafi'e, kalau wali *aqrab ghaib* atau berada jauh dan tiada walinya maka yang menjadi wali ialah wali hakim di negerinya, bukan wali ab'ad. Ini berdasarkan wali yang *ghaib* atau berada jauh itu pada prinsipnya tetap berhak menjadi wali tetapi kerana sukar melaksanakan perwaliannya, maka haknya diganti oleh wali hakim. Persoalan yang timbul ialah apakah ukuran yang dikatakan jauh itu. Menurut Mazhab Syafi'e, ukuran jauh itu ialah dua marhalah yang mengharuskan sembahyang qasar iaitu perjalanan unta sehari semalam di padang pasir. Berdasarkan halangan dan kesukaran perjalanan itulah maka wali hakim mengambil alih tugas wali *aqrab* yang berada jauh itu.

Mengikut ukuran sekarang, dua marhalah itu adalah sejauh 91 km. Kalau pada masa dahulu perjalanan dua marhalah ialah sejauh satu hari satu malam perjalanan unta, maka pada masa sekarang perjalanan dua marhalah itu hanya boleh sampai dalam tempoh beberapa jam sahaja, bahkan jarak perjalanan di antara benua dan lautan seolah-olah seperti dalam satu daerah sahaja. Oleh sebab itu, ulama sekarang berpendapat bila wali *aqrab* berada jauh atau *ghaib* meskipun tempat tinggalnya di Eropah atau Amerika, hendaklah wali *aqrab* itu dihubungi melalui surat supaya ia mewakilkan hak kewaliannya kepada orang lain untuk mengahwinkan pengantin perempuan atau menunggu kepulangannya (jika ia mahu pulang segera) kerana perhubungan sekarang amat mudah dan cepat. Sekiranya wali *aqrab* itu *ghaib* atau berada jauh dan tidak diketahui langsung alamatnya maka barulah hak kewalian itu berpindah kepada wali hakim.

### **Ketujuh: Wakalah wali (wali mewakilkan kepada orang lain)**

Dalam Islam, terdapat satu prinsip Undang-Undang Islam yang menyatakan: *“Tiap-tiap sesuatu yang boleh seseorang melaksanakan dengan sendirinya, bolehlah ia mewakilkan sesuatu itu kepada orang lain”.*

Menurut prinsip tersebut, para fuqaha sepakat bahawa setiap akad yang dapat dilakukan oleh seseorang yang mempunyai bidang kuasa, maka akad itu boleh juga ia mewakilkan kepada orang lain misalnya dalam akad nikah, jualbeli, cerai, sewa menyewa, tuntutan hak dan akad yang lain. Dalam hal akad nikah ini, apabila seseorang wali *aqrab* itu berada jauh, tidak dapat hadir pada majlis akad nikah atau wali itu boleh hadir tetapi ia tidak mampu untuk menjalankan akad nikah itu, maka wali itu bolehlah mewakilkan kepada orang lain yang mempunyai kelayakan syar'ie.



Begitu juga bagi bakal suami jika dia tidak dapat hadir pada majlis akad nikah kerana ia sedang belajar di luar negeri, maka ia bolehlah mewakili kepada orang lain yang mempunyai kelayakan syar'ie bagi menerima ijab (menjawab) nikah itu. Walau bagaimanapun bagi perempuan (bakal isteri) ia tidak ada bidang kuasa mewakili kepada orang lain untuk megahwinkannya kerana haknya ada di tangan walinya.

Menurut Jumhur Fuqaha, syarat-syarat sah orang yang boleh menjadi wakil wali ialah:

1. Lelaki
2. Baligh
3. Merdeka
4. Islam
5. Berakal (akal tidak lemah)
6. Wakalah itu tidak boleh dibuat semasa orang yang memberi wakil itu menunaikan ihram haji atau umrah.

Orang yang menerima wakil hendaklah melaksanakan wakalah itu dengan sendirinya sesuai dengan yang ditentukan semasa membuat wakalah itu kerana orang yang menerima wakil tidak boleh mewakili pula kepada orang lain kecuali dengan izin memberi wakil atau bila diserahkan urusan itu kepada wakil sendiri seperti kata pemberi wakil: "Terserahlah kepada engkau (orang yang menerima wakil) melaksanakan perwakilan itu, engkau sendiri atau orang lain". Maka ketika itu, boleh wakil berwakil pula kepada orang lain untuk melaksanakan wakalah itu. Wakil wajib melaksanakan wakalah menurut apa yang telah ditentukan oleh orang yang memberi wakil. Misalnya seorang berwakil kepadanya untuk mengahwinkan perempuan itu dengan si A, maka wajiblah kahwinkan perempuan itu dengan si A. Kalau wakil itu mengahwinkan perempuan itu dengan si B, maka perkahwinan itu tidak sah. Mengikut amalan di Malaysia, selalunya wakalah wali dibuat di hadapan qadhi atau pendaftar perkahwinan dengan disaksikan oleh dua orang saksi. Sebelum melakukan wakalah wali, adalah mustahak wali itu mengkaji latar belakang orang yang hendak menerima wakil itu.

Jika bapa perempuan tersebut fasik, iaitu seperti berzina, minum arak dan seumpamanya, ia tidak boleh menjadi wali keatas perkahwinan anak perempuannya disisi pendapat pertama. Manakala bagi pendapat kedua, bapanya yang fasik boleh menjadi wali keatas perkahwinan anak perempuannya. Sebaliknya jika walinya yang lain, seperti saudara lelakinya yang fasik, ia tidak boleh menjadi wali keatas saudara perempuannya. Disini, hakim merupakan wali yang layak keatas perkahwinan tersebut (Liw Yock Fang 2003:129-130). Demikianlah bidang kuasa wali adalah amat penting dalam perkahwinan kerana ia menentukan sah atau tidak sesuatu perkahwinan. Oleh itu, setiap ibu bapa dan pengantin perempuan sebelum melakukan sesuatu perkahwinan hendaklah meyemak dahulu siapa yang berhak menjadi wali mengikut tertib dan susunan wali. Sekiranya para ibu bapa dan penjaga tidak mengetahui tentang wali maka hendaklah merujuk kepada mana-mana Pejabat Kadhi, Imam atau orang alim untuk mendapat penjelasan.

### **Fasal 25 (2) Ijab dan Qabul**

Seterusnya di dalam hukum kanun melaka, lafaz ijab dan kabul merupakan syarat sah dalam perkahwinan (Mohamad Som Sujimon & Abdul Basir Mohamad:2007). Yang dikatakan Ijab dan Qabul ialah "lafaz aqad yang diucapkan oleh wali dan calon suami". Syarat ijab dan qabul adalah beriringan di antara lafaz ijab dan lafaz qabul. sesuai bunyi ijab dan qabul. didengar oleh dua orang saksi yang mengerti maksudnya. disebut nama perempuan dengan khusus, tidak bertakliq, tidak dibatasi lamanya. perkataan nikah dengan bahasa Arab. Antara syarat-syarat ijab ialah: (Akhmal Md. Zain 1999:345)

- a. Hendakla dengan perkataan nikah atau *tazwij* yang terang dan tepat.
- b. Lafaz ijab itu tidak mengandungi perkataan yang menunjukkan bahawa perkahwinan itu terhad waktunya tetapi mestilah untuk selama-lamanya contohnya nikah mut'ah (kontrak) tidak dibolehkan.
- c. Lafaz ijab dengan lafaz ta'liq juga tidak dibolehkan (lafaz yang terikat dengan sesuatu).

Manakala syarat-syarat bagi Qabul ialah:(Akhmal Md.Zain 1999:346)

- a. Hendaklah di antara lafaz ijab dan qabul tidak terputus atau tidak diselangi oleh perkataan dan sebagainya.
- b. Hendaklah lafaz itu diterima oleh bakal suami, seperti jawabnya "Aku terima....."
- c. Hendaklah lafaz qabul itu idak menggunakan ta'liq
- d. Hendaklah lafaz qabul itu tidak mengandugi perkataan yang menunjukkan nikah itu terhad waktunya.
- e. Hendaklah disebut nama bakal isteri itu atau ganti namanya seperti "Aku terima nikah Maryam, atau Aku terima nikahnya".
- f. Hendaklah lafaz qabul itu lafaz yang terang bukan sindiran.

#### **Fasal Ke-26: Hukum Syahid (Saksi)**

Dalam perkahwinan hendaklah mempunyai empat orang saksi, jika tiada dua orang saksi pun dah memadai. Sebaliknya jika tidak cukup dua orang saksi maka tidak sah pekahwinan tersebut dan dikira sebagai zina.

Manakala syarat saksi adalah seperti berikut:

- i Orang yang salih(beragama Islam, menjaga maruah)
- ii Orang yang adil(tidak fasik)
- iii Orang yang mursyid (cerdik,berakal,mengerti maksud ijab dan qabul,mendengar,melihat,berkata-kata,tidak kurang ingatan dan baligh)
- iv Orang yang merdeka.

Adapun tidak sah menjadi saksi bagi orang yang fasik,abdi dan perempuan disisi *qaul azhar*.Ini kerana perempuan hanya diharuskan menjadi saksi dalam masalah haid dan hamil sahaja (Liaw Yock Fang 2003:130-131).

#### **Fasal Ke-27: Hukum *Khia*r (Pilihan)**

*Khia*r di bolehkan dalam perkahwinan sama ada di pihak lelaki mahupun perempuan disebabkan lima perkara yang aib:

- i *Aib gila*.
- ii *Aib judham (penyakit bengkak kaki)*

- iii *Aib baras* (penyakit kedal atau sopak).
- iv *Aib ratak* (tempat perjinya) atau kebiri (lemah syahwat) atau penyakit yang mana tumbuh daging dalam faraj
- v *Aib karan* (perjinya(kemaluannya) tumbuh tulang dalam rahim.

Tidak sah perkahwinan yang melibatkan seseorang yang mengidap kelima-lima penyakit diatas, jika salah seorang daripada mereka tidak redha. Jika kedua-duanya tidak mengetahui bahawa pasangannya mengidap penyakit baras dan ia mengetahuinya sesudah berkahwin, maka perkahwinannya terlerai secara serta merta yang dinamakan kahwin fasakh. Adapun bagi pendapat yang lain, yang menyatakan bahawa dalam masalah orang yang lemah syahwat, ia disuruh supaya berubat selama setahun, jika tidak sembuh dalam tempoh tersebut, maka perkahwinan itu juga boleh difasakhkan oleh hakim yang mengahwinkannya sebelum ini. Sebaliknya jika lelaki atau perempuan tersebut redha dengan kekurangan pasangannya, maka perkahwinan itu boleh diteruskan dengan tidak difasakhkan. Ini kerana, jika kedua-duanya redha dengan semua itu, maka tiadalah *khiar* dalam perkahwinan tersebut disisi kaul yang sah. Sebaliknya jika berlaku aib di pihak lelaki, dan lelaki tersebut memfasakhkan perkahwinannya, maka denda dikenakan keatasnya. Demikian juga bagi pihak perempuan yang melakukan perbuatan yang sedemiakian (Liw Yock Fang 2003:131-132).

#### **Fasal Ke-28: Hukum Talak**

Di dalam Hukum Kanun Melaka menyatakan bahawa talak terbahagi kepada talak ba'in dan talak raj'i.

- i Talak Ba'in-laitu talak yang tidak boleh rujuk kembali, seperti talak tiga. Jika ditalak suami keatas isterinya dengan talak ba'in (talak tiga), ia tidak dapat dirujuk kembali melainkan perempuan tersebut perlu berkahwin dengan lelaki lain, maka lelaki itu menceraikan isterinya, barulah perempuan itu boleh berkahwin dengan bekas suaminya yang pertama selepas tamat tempoh iddah selama tiga bulan sepuluh hari.
- ii Talak Raj'i-laitu talak yang boleh dirujuk kembali, seperti talak satu dan dua. Jika isterinya ditalak dengan talak raj'i (talak satu dan dua), bekas suaminya boleh rujuk kembali hanya selepas tamat tempoh iddah selama tiga bulan sepuluh hari.

Disisi kaul yang sah, tidak harus bagi seorang lelaki berkahwin dengan perempuan majusi, wathani dan juga bagi lelaki yang merdeka ia tidak boleh berkahwin dengan hamba melainkan dengan empat syarat:

- i Lelaki merdeka yang masih teruna (belum pernah berkahwin dengan perempuan yang merdeka).
- ii Tidak dapat menahan nafsu.
- iii Tiada kemampuan untuk memberi mas kahwin kepada perempuan yang merdeka.
- iv Hamba perempuan tersebut mestilah beragama Islam.

Adapun bagi perempuan yang merdeka, ia boleh berkahwin dengan lelaki abdi jika memenuhi dua syarat tersebut:

- i Perempuan merdeka setuju berkahwin dengan lelaki abdi tanpa paksaan.
- ii Dipersetujui oleh seluruh ahli keluarganya.

Jika tidak memenuhi dua syarat diatas, maka terlerailah perkahwinan tersebut disisi kaul yang sah (Liaw Yock Fang 2003:132-133).

## KESIMPULAN

Sebelum era penjajahan bermula di Semenanjung Tanah Melayu, masyarakat sudah hidup di bawah naungan undang-undang Islam terutamanya di Melaka. Di bawah pelaksanaan undang-undang ini, Kerajaan Melayu Melaka menjadi kerajaan dan kuasa Islam yang berpengaruh di rantau Asia Tenggara. Sejarah Melaka dijadikan rujukan untuk membuktikan bahawa sistem hidup yang dianjurkan oleh Allah merupakan undang-undang tempatan dan negeri yang telah diterima pakai sebelum kedatangan penjajah lagi. Undang-undang ini mampu melewati sempadan masa dan tempat apabila ia sekali lagi mengulang model kepimpinan Rasulullah di Madinah sekalipun tidak seratus peratus. Kemajuan masyarakat sama sekali tidak boleh dijadikan helah untuk tidak melaksanakan undang-undang Islam. Undang-undang Keluarga Islam yang terpakai di negeri-negeri pada masa kini adalah lebih lengkap dan menyeluruh dengan berasaskan kepada al-Quran dan Sunnah. Namun ia juga adalah usaha-usaha daripada ulama-ulama yang terdahulu. Kita orang Islam hendaklah yakin bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang yang terbaik dan sesuai untuk kita. Sungguhpun boleh dikatakan semua sistem undang-undang berusaha untuk mencapai keadilan akan tetapi oleh kerana undang-undang Islam berpunca dari wahyu dari Allah Subhanahu wataala, yang lebih mengetahui keperluan manusia dan apa yang terbaik untuk mereka, Undang-undang Islam mempunyai keutamaan atas undang-undang lain. Kita telah diwarisi dengan suatu sistem undang-undang yang tidak syak lagi tinggi mutunya dan tidak ada bandingan dari segi keadilan dan perikemanusiaan. Kita yang mentadbirkan undang-undang memikul tanggungan yang berat. Tugas kita ialah menunjukkan undang-undang Islam bukan sahaja terbaik akan tetapi perlaksanaannya membawa keadilan dan diterima baik oleh semua pihak. Undang-undang negara dan undang-undang antarabangsa menghendaki supaya pembaharuan dibuat. Perlembagaan Persekutuan melarang diskriminasi berdasarkan jantina. Pihak berkuasa undang-undang dan agama di negara-negara Islam lain mengakui terdapat aspek-aspek permasalahan dalam undang-undang keluarga mereka yang terkini dan sudah atau sedang memperbaharainya supaya lebih adil dan saksama. Permulaan ke arah pembaharuan undang-undang adalah satu langkah yang tepat bagi Malaysia.

## BIBLIOGRAFI

Abdullah Jusuh.1989.*Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*.Selangor:Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdullah Sidek. 1975. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur.

Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md Supi.2006.*Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur:IKIM.

Ahmad Ibrahim.1999.*Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur:Malayan Law Journal Sdn.Bhd.

Al-Syarbini al-Khatib, Muhammad.1962.*Mughni al-Muhtaj*, juz 3, Cairo: Sharikah Wa Matba'ah al-Babi al-Halabi.

Al-Syarbiniy. (t.t).*Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, ulasan terhadap Minhaj al-Talibin, juz.3, Beirut: Dar al-Fikr.

*Enakmen Keluarga Islam Kelantan*.1983.



Ismail Ahmad. 1988. **Masyarakat dan budaya melayu**. Kuala Lumpur.

**Kitab Undang-undang Sultan Melaka(Sumber Fakulti Undang-undang, UKM)**

Liaw Yock Fang.1976. **Undang-undang Melaka**.The Hague:Martinus Nijhoff.

Liaw Yock Fang.2003.**Undang-Undang Melaka**.Art Printing Works Sdn. Bhd.

Mahmood Zuhdi Hj.Abdul Majid dan Raihanah Azahari.1989.**Undang-undang Keluarga Islam (Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia)**.Universiti Malaya.Kuala Lumpur.

Mahmud Saedon A.Othman. 2003.**Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam**. Dewan Bahasa dan Pustaka.Selangor.

Mahmud Saedon A.Othman. 2003.**Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam**.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mahmud Saedon A.Othman.1988.**Ke Arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia**. Kuala Lumpur:Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Mohamad Som Sujimon dan Abdul Basir Mohamad.2007.**Fikah Kekeluargaan**. Selangor:UIAM.

Paizah Ismail.2003.**Kekeluargaan Islam Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah**.Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

Siti Zalikhah Mohd Noh dan Zaini Nasohah. 2000. **Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia**. Cetakan 2. Selangor.